AUTHOR: No author available SECTION: NASIONAL PAGE: 5 PRINTED SIZE: 333.00cm² REGION: KL
MARKET: Malaysia PHOTO: Full Color ASR: AUD 3,984.00 ITEM ID: MY0068903272



21 APR, 2026

Lima MRSM terima insentif kecemerlangan SPM RM500,000

Berita Harian, Malaysia

Lima MRSM terima insentif kecemerlangan SPM RM500,000

Dungun: Kerajaan meluluskan pemberian insentif sebanyak RM500,000 kepada lima Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) yang memperoleh keputusan cemerlang dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2025.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, berkata lima MRSM itu tersenarai dalam kelompok teratas sekolah terbaik di seluruh negara.

MRSM yang berada dalam kelompok lima sekolah terbaik negara pada SPM 2025 ialah MRSM Tun Ghafar Baba, MRSM Gemencheh, MRSM Taiping, MRSM Pengkalan Chepa dan MRSM Kuala Kubu Bharu.

Katanya, kerajaan juga mengumumkan insentif tambahan RM650,000 kepada MRSM Tun Ghafar Baba, Jasin, Melaka, bagi tujuan membaik pulih infrastruktur dan menyediakan kemudahan.

"Pada keputusan peperiksaan SPM 2025 lalu, MRSM Tun Ghafar Baba muncul sebagai sekolah terbaik negara apabila 85 pelajar memperoleh keputusan semua A+ dalam semua mata pelajaran," katanya merasmikan MRSM Dungun, di sini, semalam.



Ahmad Zahid bersama Asyraf Wajdi beramah mesra dengan pelajar selepas merasmikan MRSM Dungun, semalam. (Foto BERNAMA)

Yang turut hadir Pengerusi MARA, Datuk Dr Asyraf Wajdi Dusuki.

MRSM Dungun tersenarai di kedudukan ke-58 sekolah cemerlang SPM 2025 di seluruh negara dan kelima di Terengganu.

Pada masa sama, MRSM Ulul Albab seperti MRSM ATM Bera dan MRSM Bagan Datuk, walaupun masih baru berjaya menempatkan diri dalam kelompok 15 terbaik negara.

Dalam perkembangan lain, Ahmad Zahid yang juga Menteri Kemajuan Luar Bandar berkata, MARA akan terus memperkukuhkan pelaksanaan Program Pendidikan BUDI, bagi membantu pelajar daripada golongan B40 yang kurang berkemampuan berikutan ketidaktentuan ekonomi global.

Selain itu, Ahmad Zahid memaklumkan MARA sedang mempertimbangkan pelaksanaan penjadualan semula bayaran balik pembiayaan dan pinjaman pendidikan bagi meringankan beban peminjam susulan ketidaktentuan ekonomi global yang dicetuskan konflik Asia Barat.

Katanya, MARA melihat cabaran dihadapi usahawan termasuk penyewa premis, pelajar dan warga pendidik serta warga institusi pendidik terkesan secara menyeluruh.

"Kita sedang meneliti beberapa langkah sokongan yang bersesuaian dengan situasi semasa, termasuk memperluas kemudahan pengurangan kadar sewaan premis serta menilai pelaksanaan penjadualan semula bayaran pembiayaan bagi memberi ruang kepada mereka menstabilkan kedudukan kewangan," katanya.

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

AUTHOR: No author available SECTION: NASIONAL PAGE: 5 PRINTED SIZE: 333.00cm² REGION: KL
MARKET: Malaysia PHOTO: Full Color ASR: AUD 3,984.00 ITEM ID: MY0068903272



21 APR, 2026

Lima MRSM terima insentif kecemerlangan SPM RM500,000

Berita Harian, Malaysia

SUMMARIES

Dungun: Kerajaan meluluskan pemberian insentif sebanyak RM500,000 kepada lima Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) yang memperoleh keputusan cemerlang dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2025. Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, berkata lima MRSM itu tersenarai dalam kelompok teratas sekolah terbaik di seluruh negara.

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.